

Luahan rasa UMNO Rompin kepada PM

ROMPIN 5 Ogos - UMNO Bahagian Rompin hari ini meluahkan pandangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya lebih berwaspada apabila berurusan dengan Singapura.

Ketuanya, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis berkata, Pemuda, Wanita dan Puteri mahu kepimpinan negara berhati-hati dengan tindak-tanduk Singapura supaya negara ini tidak mudah diperkotak-katikan. Katanya, kettiga-tiga cabang UMNO itu sebulat suara menyokong kepimpinan Abdullah menjalankan dasar menghormati dan berbaik-baik dengan negara jiran itu tetapi

Pemuda, Wanita dan Puteri mahu kepimpinan negara berhati-hati dengan tindak-tanduk Singapura supaya negara ini tidak mudah diperkotak-katik

- Dr. Jamaluddin Jarjis

perlu sentiasa berhati-hati kerana selama ini Singapura hanya mementingkan diri sendiri sahaja.

"Saya akan membawa pandangan ini ke Majlis Tertinggi bagi memastikan negara kita terus dihormati oleh negara jiran. Pada dasarnya, Pemuda, Wanita dan Puteri melahirkan

hagi kepada Presiden UMNO bagi memastikan kesinambungan pembangunan negara dan Wawasan 2020 berjalan

lancar," kata Jamaluddin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakil Pergerakan Pemuda,

Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Rompin 2006 di Auditorium Uniten, Muadzam Shah dekat sini, hari ini.

"Walaupun kita mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya lalu tetapi itu tidak bererti kita berasa selesa. Sebaliknya kita perlu berusaha keras mengekalkan kecemerlangan UMNO Rompin dan sentiasa berhati-hati dengan yang cuba merosakkan parti.

"Kita harus berhati-hati kerana terdapat usaha golongan tertentu untuk membawa semula bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam UMNO. Jika ini berlaku ia boleh me-

nimbulkan perpecahan dalam parti," kata beliau.

Menurutnya, ini menunjukkan UMNO adalah sebuah parti keramat yang sukar digugat kerana mereka yang menderhaka kepada parti dan cuba berjuang dari luar akan gagal dan akhirnya cuba kembali semula apabila sedar perjuangan itu tidak akan membawa mereka ke mana-mana.

Sebelum ini kata beliau, UMNO telah berhadapan dengan dugaan besar sehingga memecah belahkan parti pada 1987

Katanya, ahli UMNO juga perlu mengukuhkan perpaduan supaya perpecahan pada 1997 tidak berulang.